

29/11/14 47MST

CNS1802

U GB 29-11 00185 BA300

AAB

Mahathir - Pelabuhan (Bergambar)

TJNGKAT KECEKAPAN ATASJ ANCAMAN PERLINDUNGAN PERDAGANGAN, KATA PM

PELABUHAN KLANG, 29 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan sektor perkhidmatan pengangkutan di negara ini mempertingkatkan kecekapan bagi mengatasi ancaman perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh beberapa kesatuan ekonomi barat.

Perdana Menteri berkata langkah seumpama itu juga perlu diambil memandangkan perkhidmatan pengangkutan kini turut diancam oleh kesatuan-kesatuan terbabit yang telah menunjukkan sikap perlindungan dan "melihat ke dalam diri."

"Justeru itu kita perlu bekerja lebih kuat dan meningkatkan kecekapan kita, di samping mempertahankan apa juga 'kelebihan perbandingan' yang ada pada kita," katanya ketika merasmikan Laman MISC (Malaysian International Shipping Corporation Berhad) di sini, hari ini.

Beliau juga turut melancarkan serentak perkhidmatan MISC Trucking and Warehousing Sdn Bhd dan MISC Container Services Sdn Bhd.

Sambil mengangap bahawa sekatan-sekatan perdagangan untuk memanfaatkan sesuatu kumpulan dan menghalang persaingan sebagai tidak sihat, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak boleh mengharapkan kepada keadilan.

Ini kerana mereka yang mengungkit soal pasaran sama rata membisu apabila mereka memiliki kelebihan seperti saiz dan modal. -- Lagi.

▼29/11/12-53MST

U GB 29-11 00161 BA308

AAB

Mahathir - Pelabuhan 2 Pelabuhan Klang

"Yang ditumpukan hanyalah kepada apa juga kelebihan yang sedikit yang ada pada kita," kata beliau.

Oleh kerana itu, Perdana Menteri berharap MISC akan terus berusaha meningkatkan program pembaharuan dan pembesaran angkatan kapalnya untuk memenuhi permintaan perkhidmatan pengangkutan yang semakin meningkat di rantau Asia Tenggara.

Ini kerana pencapaian ekonomi negara-negara di rantau ini sejak beberapa tahun lepas menunjukkan ia sedang melangkah menjadi sebuah rantau ekonomi yang disegani dunia sedangkan negara-negara barat masih di tahap yang sama ataupun menghadapi pelbagai masalah termasuk kemelesetan, katanya.

Memandangkan dagangan antara negara-negara di rantau ini semakin meningkat, katanya, sudah pasti permintaan untuk perkhidmatan pengangkutan akan turut meningkat.

Beliau berkata usaha seumpama itu juga akan membolehkan Malaysia lebih dikenali daripada segi penyediaan perkhidmatan kapal laut bagi keperluan di rantau ini di samping mengurangkan pengaliran wang ke luar negara bagi membiayai pengangkutan laut yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat asing. -- Lagi.

▼29/11/14-06MST

AAB

Mahathir - Pelabuhan 3 Pelabuhan Klang

Mengenai perubahan yang berlaku dalam industri perkapalan Dr Mahathir memberikan satu contoh yang ketara iaitu pengangkutan "multi-modal" berkontena yang membolehkan pergerakan barangan di bawah penyelenggaraan dan tanggungjawab satu pengendali sepanjang perjalanan daripada pembekal kepada pelanggan.

"Ini akan mempertingkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan pengangkutan secara menyeluruh," katanya.

Beliau juga mahukan usaha-usaha diambil bukan sahaja untuk meningkatkan ruang muatan perkapalan tetapi lebih penting lagi kecekapan pengurusan kapal dan pelabuhan memandangkan eksport barangan perindustrian Malaysia kini melebihi barangan lain iaitu 71 peratus daripada nilai eksport negara.

"Kapal yang tidak bergerak kerana menunggu untuk dimuat atau dipunggah di pelabuhan merugikan semua pihak, termasuk negara," katanya, dan menambah kata bahawa kerugian itu bukan sahaja membabitkan pendapatan tetapi juga turut menyekat pertumbuhan pelabuhan.

Perdana Menteri berharap kemudahan tambahan yang sedang dibina di Pulau Indah dekat sini akan dapat mempertingkatkan ruang muatan di Pelabuhan Klang.

Di samping itu, beliau berkata Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama negara boleh memainkan peranan lebih penting memastikan ia menjadi sebuah pusat pemunggahan penting di rantau ini. -- Lagi.

▼29/11/14-08MST

CNS1875

U GB 29-11 00231 BA310

AAB

Mahathir - Pelabuhan 4 (Akhir) Pelabuhan Klang

Lebih-lebih lagi, katanya, sejak diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai, barangan yang diimport untuk dieksport semula atau hasil keluaran industri di Pelabuhan Klang boleh dikendalikan dengan cepat dan mudah kerana tidak perlu lagi melalui pemeriksaan kastam.

Perdana Menteri juga mahukan agar perkhidmatan sampingan ke Pelabuhan Klang ditambah bagi membolehkannya menjadi pusat pemunggahan dan pengedaran di rantau ini, dan mengharapkan MISC sebagai syarikat perkapalan nasional terus membantu pelabuhan itu menjadi pelabuhan entrepot.

Sehubungan dengan itu, langkah MISC untuk mengambil ekuiti sebanyak 25 peratus dalam Klang Port Management Sdn Bhd akan menentukan kepentingan MISC berkait langsung dengan kejayaan Pelabuhan Klang, kata beliau.

Dalam usaha menjadikan Pelabuhan Klang sebagai sebuah pelabuhan entrepot, Dr Mahathir mengingatkan pihak pengurusannya supaya tidak melupakan kepentingan memastikan kecekapan pengendalian peralatan dan kemudahan punggah-memunggah dan menggunakan masa yang terpendek mungkin.

Mengenai kegiatan yang dijalankan di Laman MISC seperti pergudangan serta membaikpulih kontena, beliau berkata semuanya penting dalam usaha Malaysia membina rangkaian pengangkutan yang cekap dan menjadi sebuah negara maritim sebenar bagi menyokong program pembangunan negara melalui perindustrian.

"Kegiatan-kegiatan ini juga akan membantu membentuk satu sistem pengangkutan multi-modal di Malaysia," kata beliau.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk M. Mahalingam.

-- Bernama

JO AZ.

▼29/11/14-25MST